

Dua guru kerugian lebih RM150,000 diperdaya sindiket penipuan dalam talian

Oleh [Asrol Awang](#) - Februari 4, 2024 @ 1:17pm
bhnews@bh.com.my



KUANTAN: Dua guru di Temerloh kerugian RM158,176 selepas terpedaya dengan sindiket penipuan atas talian dalam dua kejadian berasingan.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Yahaya Othman, berkata berdasarkan laporan mangsa pertama adalah guru wanita berusia 54 tahun yang menerima panggilan telefon daripada suspek memperkenalkan diri sebagai pegawai pejabat Pos Alor Setar pada 28 Ogos tahun lalu.

Beliau berkata, suspek kemudian meminta mangsa membuat tuntutan barang yang diterima atas nama mangsa iaitu kad sim, buku cek token serta pendrive.

"Mangsa menafikannya, tetapi panggilan itu disambungkan kepada pegawai polis yang memberitahu mangsa terbabit dengan kes pengubahan wang haram dan penjualan dadah.

"Mangsa diminta membuat pemindahan wang RM89,450 kepada empat akaun bank yang berlainan untuk membersihkan nama daripada kes itu dan sumber kewangan adalah daripada wang simpanan mangsa," katanya dalam kenyataan hari ini.

Yahaya berkata, kes dua pula membabitkan guru lelaki berusia 51 tahun yang mengalami kerugian RM68,726 selepas melihat iklan jualan smart tag berharga RM150 di laman sosial Facebook pada 27 Januari lalu.

Katanya, berdasarkan laporan, mangsa diberi satu pautan bagi urusan pembelian.

"Selepas memasukkan butiran nama, nombor kad pengenalan dan alamat rumah, mangsa membuat pembayaran di pautan itu tetapi gagal.

"Namun, pada 29 Januari lalu mangsa mendapati 14 transaksi pengeluaran wang berjumlah RM68,726 dibuat daripada akaun bank miliknya. Sumber kewangan adalah wang simpanan mangsa.

"Kes ini disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya.

Sehubungan itu, Yahaya menasihati orang ramai supaya membuat semakan dengan pihak polis atau agensi kerajaan sekiranya menerima panggilan yang meragukan.